

26 JUL 2002

Samy Vellu-Kerusi (Bergambar)

MIC TIADA MASALAH TERIMA PEMBAGIAN KERUSI OLEH DR M

JOHOR BAHRU, 26 Julai (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata partinya menyokong penuh saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua parti komponen Barisan Nasional (BN) menerima saja pembahagian kerusi tambahan pilihan raya yang ditentukannya.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya berkata MIC tidak mempunyai masalah menerima pembahagian yang akan ditentukan oleh Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN.

"Nasihat Perdana Menteri kita terima dan hormati... kita tidak berebut kerusi antara satu sama lain, baguslah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sukan Kerja Raya 2002 yang pertama kali diadakan di Stadium Larkin di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir di sini semalam yang meminta semua parti komponen menerima saja pembahagian kerusi pilihan raya yang akan ditentukannya, jika ada tambahan dalam pilihan raya umum akan datang.

Samy Vellu berkata pembahagian kerusi itu, sama ada bagi Dewan Undangan Negeri atau pun Parlimen biarlah diletakkan dalam tangan Dr Mahathir untuk ditentukan kepada parti komponen mana yang sesuai untuk ditandingi.

Beliau percaya bahawa pembahagian kerusi tambahan atau perubahan kerusi antara parti-parti komponen, jika ada, dalam pilihan raya umum akan datang, akan dilakukan oleh Dr Mahathir dengan adil dan menasabah.

"Pembahagian itu biarlah diletakkan dalam tangan Datuk Seri (Dr Mahathir) dengan itu saya percaya ia lebih munasabah," katanya.

Pada pilihan raya umum lepas MIC bertanding di tujuh kerusi Parlimen dan 15 kerusi Dewan Undangan Negeri di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, MIC Johor mempunyai satu kerusi Parlimen iaitu Segamat dan dua kerusi Dewan Undangan Negeri iaitu Tenggara dan Pasir Gudang.

-- BERNAMA

MNY ROS